




LEGASI

Dulu Dikenali Sebagai Buletin IPTG

ليگاسي

Bil.15/1445H/2024

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA



Salam Aidiladha

Menarik

Doa Hari Arafah 06

Kisah Nabi Ibrahim 07

Ibadah Haji 13

IMBAS OR
DIBAWAH!



“



MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *“Sesiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama.”*

Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9890) dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin (3465)

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin limpah kurnia-Nya Legasi Bil.15/1445H/2024 dapat diterbitkan. Terima kasih diucapkan khususnya kepada pasukan sidang redaksi yang bertungkus-lumus sehingga berjaya menerbitkan buletin edisi kali ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) kerana terus memberi komitmen padu kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk mencapai dasar dan pembawaan yang telah digariskan. Sesungguhnya kita sebagai pekerja mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah SWT apabila tanggungjawab yang diberikan ini dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan amanah.

33 tahun Kelantan yang ditadbir dengan dasar Membangun Bersama Islam telah melalui pelbagai cabaran, halangan dan rintangan lebih-lebih lagi untuk memastikan Islam sebagai al-Din (cara hidup) dapat difahami dan dihayati oleh rakyat seluruhnya. Kini Kerajaan Kelantan melalui strategi **“Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI)”** akan terus bekerja dalam melaksanakan amanah mentadbir ini agar Islam dapat terus dijulung dan dimartabatkan ke tahap yang lebih tinggi dalam semua aspek kehidupan.

Besarliah harapan saya agar program-program pengembangan dasar Membangun Bersama Islam ini dapat diteruskan oleh pihak IPTG dengan mempelbagaikan uslub pelaksanaannya agar sentiasa segar, interaktif dan relevan. Insyallah.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan kepada semua warga IPTG. Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Sekian. Terima Kasih.


**ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT
PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

Dengan hormatnya,

YAB. Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud
S.J.M.K. D.J.M.K., J.M.K.(Kelantan)
Menteri Besar Kelantan

”

“



Tinta MURABBI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Firman Allah SWT:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu, "Berilah kelapangan di dalam majlis-majlis," maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan, "Berdirilah kamu," maka berdirilah, nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan Allah Maha teliti apa yang kamu kerjakan. (Al-Mujadalah: 11)

Segala pujian hanya bagi Allah SWT yang merupakan Pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta seluruh penyambung risalah Islam yang suci ini.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran kepada Allah SWT atas terbitnya Legasi Bil.15/1445H/2024 oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar di atas pelantikan saya sebagai Penasihat Khas IPTG dalam memperkukuh peranan IPTG sebagai sebuah institusi terulung dalam mengabadikan legasi Kepimpinan Ulamak bagi mengukuh dan mengembang Dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat dan sidang redaksi Legasi serta seluruh warga IPTG diatas segala komitmen, kerjasama, sumbangan dan kerja keras yang ditunjukkan dalam usaha menerbitkan Legasi edisi kali ini.

Akhir kata, saya berdoa agar segala usaha dan iltizam yang ditunjukkan diberkati oleh Allah SWT dan saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah haji kepada mereka yang telah terpilih. Siiru 'Ala Barakatillah. Sekian, terima kasih. Wassalam

ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Dengan hormatnya,

Dato' Bentara Kanan
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB, S.J.M.K., D.J.M.K., (Kelantan)
Penasihat Khas,
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

”

“



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan katakanlah, Bekerjalah kamu, maka Allah SWT akan melihat pekerjaanmu, begitu juga Rasul-Nya dan orang-orang Mukmin dan kami akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakannya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.” (At-Taubah: 105)

Saya merafakkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda SAW kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dapat meneruskan usaha menerbitkan Legasi pada kali ini (Bil.15/1445H/2024) dengan jayanya.

Legasi edisi kali ini memaparkan semua aktiviti dan program yang telah berjaya dilaksanakan oleh IPTG sepanjang bulan April hingga Mei 2024. Dua Program Tahunan telah berjaya dilaksanakan sepanjang Ramadan yang lalu iaitu Program Tadarus dan Tadabbur Al-Quran 1445H dan Tazkirah Ringkas Harian dikenali sebagai “Qaseh Ramadan”. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat. Ucapan terima kasih juga kepada semua pengkuliah yang memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan program tersebut.

Akhir sekali, saya berharap legasi ini menjadi salah satu saluran yang tepat dan bermanfaat kepada semua pihak untuk mengetahui info dan maklumat terkini berkaitan dengan IPTG. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah Haji kepada semua bakal-bakal haji khususnya dari Kelantan. Semoga mendapat haji yang mabrur dan semoga Allah SWT menerima dan memberkati amalan daripada kita semua dan memasukkan kita dalam kalangan orang-orang beriman dan berjaya. Sekian, terima kasih. Wassalam.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat, P.S.K D.P.S.K (Kelantan)
Pengarah
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

”

Isi Kandungan

06

Doa Mukmin

07

Kisah Nabi Ibrahim AS

09

Kapsul Figura

10

Berita@Info

12

Sebarkan Sunnah

14

Infografik

15

Kelebihan 10 Hari Awal Zulhijjah

17

Pesan Tok Guru

18

Lensa IPTG

Sidang Redaksi

PENAUNG

YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud

PENASIHAT KHAS

YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob

PENASIHAT

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat

PENYELARAS

Ustaz Zulkipli bin Mat Yusof

PENOLONG PENYELARAS

Mohd Hafizi bin Mahadi

KETUA PENGARANG

Nurliyana binti Ahmed

SIDANG PENGARANG

Norshafinaz binti Nazaruddin

EDITOR

Nur Aimi bt Baharom

PEMBACA PRUF

Muhammad Ikram bin Mohd Jaafar

ARTIKEL

Anis Nadhirah binti Azhar
Nur Syazana Athirah binti Izazi
Wan Ahmad Ashraf bin Wan Adnan
Muhammad bin Hanapi

JURUFOTO

Muhammad Khairul Naim bin Jazli

PROMOSI/ IKLAN/ GRAFIK

Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

ALAMAT SURAT MENYURAT

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

REKA BENTUK

Wanza Advertising & Printing
No 26, Tingkat 1, Jalan Mat Kilau,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
No.Telefon: 09 7648629
Emel: wanzanet.hq@gmail.com

Doa Hari Arafah

Hari Arafah merupakan hari kesembilan dalam bulan Zulhijjah yang mana semua jemaah haji berkumpul di Padang Arafah untuk menunaikan salah satu kewajipan utama dalam ibadah haji. Hari Arafah bukan sahaja hari penting dalam menjalani ibadah haji, tetapi juga memiliki makna dan peristiwa yang mendalam dalam sejarah Islam serta menjadi waktu yang sangat dianjurkan untuk berdoa sebanyak yang mungkin.

Waktu afdal berdoa adalah setelah gelincirnya matahari (waktu zohor) 9 Zulhijjah sehingga sebelum terbit fajar 10 Zulhijjah dan sebaik-baik tempat berdoa adalah di Padang Arafah. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW telah mengajarkan doa yang terbaik pada Hari Arafah:

Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ، وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي:
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Sebaik-baik doa adalah doa pada hari Arafah. Dan sebaik-baik doa yang dibaca olehku dan para nabi sebelumku adalah: Tidak ada yang berhak disembah melainkan Allah yang satu, tidak ada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kekuasaan dan milik-Nya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu." (Riwayat Tirmizi)

Berdoa di Hari Arafah dianggap sebagai kesempatan yang sangat istimewa untuk mendapatkan pengampunan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, baik bagi mereka yang sedang menjalankan ibadah haji mahupun yang tidak berada di sana. Melalui doa, umat Islam menunjukkan rasa syukur atas nikmat kesempurnaan agama yang Allah SWT berikan.





Peristiwa Korban

Nabi Ibrahim AS dan Anaknya Nabi Ismail AS

Hari Raya Aidiladha

atau Hari Raya Haji merupakan perayaan penting dalam agama Islam selepas Hari Raya Aidilfitri. Pada Hari Raya Aidiladha ini, umat Islam mengingati peristiwa Nabi Ibrahim AS yang bersedia mengorbankan puteranya Ismail AS atas perintah Allah SWT sebagai bentuk pengabdian dan ketaatan yang luar biasa.

Ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha juga menjadi simbol dari kesediaan umat Muslim untuk berkorban dan berbagi rezeki dengan sesama manusia. Peristiwa Nabi Ibrahim AS ini tercermin dalam firman Allah SWT dalam Surah as-Saffat, ayat 102:

Maksudnya: "Maka tatkala baligh, (Ibrahim berkata:) 'Hai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu.' Dia menjawab: 'Hai bapakku, kerjakanlah yang diperintahkan kepadamu, insyaAllah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar.'" (as-Saffat: 102)

Peristiwa ini terjadi ketika Nabi Ismail AS berusia tujuh tahun dan perintah Allah tersebut dipersetujui oleh kedua-dua nabi, Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS. Ini merupakan pengorbanan yang amat besar bagi Nabi Ibrahim AS, yang telah lama menunggu cahaya mata sulung. Beliau mendapat cahaya mata pertama, Nabi Ismail AS, pada usia 86 tahun setelah berkahwin dengan isteri kedua, Siti Hajar, yang telah mendapat izin dari isteri pertama, Siti Sarah.

Sebelum melaksanakan perintah Allah untuk melakukan penyembelihan terhadap anaknya, Nabi Ibrahim AS dan Siti Hajar telah dihasut oleh Iblis untuk tidak melaksanakan perintah tersebut. Namun, cubaan dari hasutan tersebut tidak dipedulikan oleh keduanya. Ketika tiba hari untuk melaksanakan penyembelihan, Nabi Ibrahim AS cuba melakukan sembelihan terhadap Nabi Ismail AS, namun gagal setelah beberapa percubaan. Malah, dengan izin Allah tidak ada sedikit pun terluka pada leher Nabi Ismail AS.

Allah SWT kemudian berfirman:

Maksudnya: *“Dan Kami menyeru: Hai Ibrahim, sesungguhnya engkau membenarkan mimpi itu dan sesungguhnya Kami membalas orang yang berbuat baik”*. (as-Saffat: 105)

Lalu, Allah SWT menghantar malaikat Jibril AS yang membawa seekor binatang sembelihan yang besar (kibas) sebagai pengganti kepada Nabi Ismail AS. Firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Dan kami tebus anaknya dengan seekor binatang sembelihan yang besar”*. (as-Saffat: 107)

Dari peristiwa agung ini, umat Islam dapat melihat contoh sebenar akan kepatuhan dan kesetiaan yang diperlihatkan oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS kepada perintah Allah SWT. Mereka tidak hanya patuh, tetapi juga bersedia untuk berkorban atas apa yang Allah SWT perintahkan. Ini menunjukkan betapa besar cinta seorang hamba kepada Sang Pencipta berbanding cinta sesama makhluk. Peristiwa ini juga mengajarkan umat manusia betapa besarnya ganjaran melakukan ibadah korban.

Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah SWT selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).”* (Riwayat Tirmizi)

Dengan demikian, perayaan Hari Raya Aidiladha menjadi hari yang penting bagi umat Islam untuk merenungkan nilai-nilai pengorbanan dan ketaatan kepada Allah SWT serta berkongsi rezeki dengan orang lain khususnya kepada yang lebih memerlukan.



Peristiwa Korban

Nabi Ibrahim AS dan
Anaknya Nabi Ismail AS



Tazkirah Tok Guru

HARI RAYA AIDILADHA

Bila raya haji kita diminta korban. Korban ni boleh makan tapi kita juga diminta bagi daging-daging kepada fakir miskin. Sama ada kita nak buat gulai ataupun kita bagi daging mentah-mentah gitu kepada masyarakat. Saya setuju kita ubah sikit tradisi kita daripada bergulai kepada bui daging mentah. Kalau kita buat gulai pertama letih kita.

Yang keduanya orang hok kita jemput tu dale sebuah rumah tu dio tak mari semua anak bini suami tak mari, dia mari duo tiga ore. Tapi kalau kita bagi daging mentah ore tu boleh makan sebuah rumah. Bui daging walaupun sekeping duo keping pun boleh makan belako anak ko ayah. Kelebihannya, kita tak penat dan tuan sebuah rumah tuh boleh makan belako.

Yang ketiganya, bila kita hari raya qurban kita diminta ingat balik cerita Nabi Allah Ibrahim AS kerana orang yang pertama qurban ni Nabi Ibrahim AS. Suatu hari Allah SWT beri mimpi ke Nabi Ibrahim sembelih anak. Sembelih anak ni benda yang terlalu amat perit bagi manusia nak sembelih ayam pun kita perit kambing biri lebih perit lagi sian tapi bila Allah suruh sesuatu maka bagaimana perit pun kita kena buat.

Maka Allah Taala tukar daripada disembelih anak nabi Allah Ismail AS kepada kibas. Sampai sekarang ni apabila kita korban walaupun nampak sembelih an'am sembelih kambing kerbau, tapi kita kena ingat balik cerita lama bahawa Nabi Ibrahim ni walaupun dia suruh sembelih anak melalui mimpi ja bukan wahyu turun dari langit pun dia buat sampai dia bawak anak dia Nabi Ismail daripada Mekah terus pergi kepada Mina, jauh daripada Mina, boleh jadi sambil berjalan sambil menghibur hati sambil berjalan sambil ingat sayang anak sekali tapi Allah Taala tahu.

Hei Ibrahim kamu mengakui mimpi kamu itu betul dan mimpi seorang nabi ni betul-betullah wahyulah kita orang kampung ni kalau kita mimpi kita dikehendaki apa nama ni tapis dulu ada ahlam ada betul sebab tu bila kita mimpi hok tak betul kita diminta ludah sebelah kiri kita jaga tidur diminta ludah tiga kali sebelah kiri tanda benda ni mengarut sebagainya tapi kalau kita mimpi kita diminta sebut alhamdulillah kalau boleh ambil sembahyang selalu malam selalu takbir minta Allah Taala benarkan mimpi tadi simpul balik walaubagaimanapun pengorbanan seorang manusia yang bernama Nabi Ibrahim ni sangat-sangat perlu dituruti ditiru sampai kiamat sekalipun.



BERITA

PROGRAM PEMERIKSAAN



Tadarus & Tadabbur Al-Quran 1445H

Program berlangsung sepanjang bulan Ramadan sebanyak 20 Siri bermula 01 Ramadan-29 Ramadan 1445H.

[info >](#)


Qaseh Ramadan (Tazkirah)

Program berlangsung sepanjang bulan Ramadan sebanyak 31 Siri bermula 29 Syaaban -29 Ramadan 1445H.

[info >](#)


Podcast Bare Kena Tahu

Program setiap Ahad, jam 10.00 pagi

[info >](#)

TA

Sepanjang Mac-Mei 2024

ENYIARAN ONLINE

DAILY REPORT . DAILY REPORT .
24
DAILY REPORT . DAILY REPORT .

Pagi@IPTG Program setiap Isnin, Jam 9.30 pagi

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

Pencerampas Khas
Ustaz Saibon Ismail
@IPTG

OGHE KITO

Siri 4/22

04 ZULKAEDAH 1445H
13.05.24
ISNIN | 10:00PAGI

TOPIK
RUGINYA PEMALAS

Oghe Kito

[info >](#)

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

Pencerampas Khas
Ustaz Zulkarnain Hassan
@IPTG

MUTIARA NABAWI

Siri 4/21

04 ZULKAEDAH 1445H
13.05.24
ISNIN | 09:30PAGI

TOPIK
TANGGUNGJAWAB ISTERI TERHADAP SUAMI

Mutiara Nabawi

[info >](#)

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

Pencerampas Khas
Ustaz Suhaimi Mohamed
@IPTG

USRAH CINTA

Siri 4/23

06 SYAWAL 1445H
15.04.24
ISNIN | 09:30PAGI

TOPIK
TANGGUNGJAWAB DALAM MENDIDIK KELUARGA

Usrah Cinta

[info >](#)

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

Pencerampas Khas
Ustaz Nor Azariza
@IPTG

BESSO

Siri 3/17

27 SYAWAL 1445H
06.05.24
ISNIN | 09:30PAGI

TOPIK
PERKARA YANG BAIK TETAPI BERCAMPUR MAKSIAAT

Bbeso Hok Bbetul, Bbetul Hok Beso

[info >](#)

Keutamaan 10 HARI ZULHIJAH

Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ مِنْ أَيَّامِ الدُّنْيَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ أَنْ يُتَعَبَّدَ لَهُ فِيهَا مِنْ
أَيَّامِ الْعَشْرِ، يَعْدِلُ صِيَامُ كُلِّ يَوْمٍ مِنْهَا بِصِيَامِ سَنَةٍ وَقِيَامُ كُلِّ
لَيْلَةٍ مِنْهَا بِقِيَامِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Maksudnya: "Tiada hari-hari yang paling disukai oleh Allah SWT untuk seseorang melakukan ibadah kepada-Nya selain 10 hari dalam Zulhijah. Puasa setiap harinya menyamai puasa setahun, dan qiamullail setiap malamnya menyamai qiamullail pada malam Al-Qadr."

(Riwayat Tirmizi dan Ibn Majah)

Hadis ini mengajarkan keutamaan dan keistimewaan 10 hari pertama dalam bulan Zulhijah dalam Islam. Pada 10 malam pertama ini, amalan ibadah seperti puasa dan qiamullail (solat malam) memiliki ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Puasa pada setiap hari dalam 10 hari Zulhijah dianggap setara dengan puasa setahun, sedangkan qiamullail pada setiap malamnya setara dengan qiamullail pada Lailatul Qadr.

Pengajaran dari huraian maksud hadis ini termasuk:

01 Keutamaan 10 Hari Zulhijah:

Hadis ini menegaskan pentingnya memanfaatkan peluang ibadah yang terkandung dalam 10 hari pertama bulan Zulhijah. Menghabiskan waktu untuk melakukan amal soleh pada masa ini membawa ganjaran yang besar dari Allah SWT.

02 Ketekunan Amalan:

Hadis ini mengajarkan tentang ketekunan amalan yang dapat dilakukan dalam tempoh waktu yang singkat. Puasa dan qiamullail pada 10 hari Zulhijah adalah contoh bagaimana seseorang dapat meningkatkan ibadahnya dalam waktu yang terhad.

03 Nilai Kualiti Lebih Penting daripada Kuantiti:


Meskipun 10 hari Zulhijah diberkati dengan keistimewaan, hadis ini menekankan nilai kualiti amalan dan bukannya kuantiti sahaja. Sebuah amalan yang dilakukan dengan ikhlas dan penuh keimanan memiliki nilai yang lebih besar di sisi Allah SWT daripada amalan yang dilakukan tanpa keikhlasan.

04 Peringatan untuk Memanfaatkan Peluang:

Hadis ini juga menjadi peringatan bagi umat Islam untuk memanfaatkan peluang ibadah yang diberikan oleh Allah SWT. Peluang untuk melakukan amalan soleh pada 10 hari Zulhijah tidak boleh disia-siakan, kerana keberkatan dan ganjaran yang terkandung di dalamnya.

Rukun

IBADAH HAJI



01 Miqat

Jemaah haji tiba di Mekah, bersiap dengan mengenakan pakaian ihram dan berniat ihram haji:

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku mengerjakan haji dan berihram dengannya kerana Allah Taala."

02 Tawaf (Qudum)

Mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali, diawali dan diakhiri di Hajar Aswad.

03 Sai

Berjalan atau berlari-lari anak berulang-alik sebanyak 7 kali bermula di Bukit Safa dan Marwah menurut syarat-syarat yang tertentu.

05 Lontar Jamrah

Masuk melontar adalah selepas azan Subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah.

04 Wukuf

Berada di Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu Zuhur 9 Zulhijjah hingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.

06 Tahalul

Mencukur seluruh atau sebahagian rambut. Bergunting sekurang-kurangnya tiga helai rambut dan disunatkan bercukur bagi lelaki.

09 Tawaf Wada'

Melakukan Tawaf Wada' iaitu tawaf 'selamat tinggal' sebelum mengakhiri ibadah Haji.

07 Tawaf (Ifadah)

Kembali ke Makkah melakukan tawaf (ifadah) dan sai.

08 Kembali ke Mina untuk melontar Jamrah lagi

Niat

أَصَلِّي سُنَّةَ عِيدِ الْأَضْحَى رَكَعَتَيْنِ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: Sahaja aku solat sunat Aidiladha dua rakaat sebagai makmum /imam kerana Allah Taala.

Lafaz Tasbih

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya: Maha Suci Allah, segala pujian bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah, Allah Maha Besar dan tiada daya dan upaya serta kekuatan [bagi kita] melainkan dengan kekuasaan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung.


Kaifiat Solat Sunat Hari Raya Aidiladha

Rakaat Pertama

- 1 **Takbiratul Iham** beserta **niat** Solat Sunat Aidiladha
- 2 Membaca **doa iffatih**
- 3 **Bertakbir** sebanyak tujuh (7) kali diselangi dengan **lafaz tasbih** sebanyak enam (6) kali
- 4 Imam membaca Surah **al-Fatihah**
- 5 Imam membaca Surah al-A'la
- 6 Imam meneruskan solat sehingga selesai rakaat pertama.

Rakaat Kedua

- 1 **Mengangkat takbir** lima (5) kali diselangi dengan **lafaz tasbih** sebanyak empat (4) kali
- 2 Imam membaca **Surah al-Fatihah**
- 3 Imam membaca Surah al-Ghasyiyah atau surah-surah lain
- 4 Imam meneruskan solat sehingga selesai rakaat kedua
- 5 Memberi **salam**
- 6 Mendengar **khutbah** yang akan disampaikan oleh Khatib/Imam



Kelebihan 10 HARI Awal Zulhijjah

Pengenalan

Bulan Zulhijjah mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding bulan-bulan lain dalam Islam. Sepuluh hari pertama bulan ini memiliki keutamaan yang besar dalam melakukan ibadah, sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Fajr ayat 1-2 yang bermaksud:
"Demi waktu fajar. Dan (demi) malam-malam yang sepuluh."

Hadis Rasulullah SAW juga menekankan keutamaan pada 10 hari pertama bulan Zulhijjah untuk melakukan amal soleh.

Daripada Ibn 'Abbas, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: *"Tiada hari-hari yang amalan soleh padanya paling Allah sukai melebihi sepuluh hari ini (sepuluh hari awal Zulhijjah)".* Mereka bertanya: *"Sekalipun jihad pada jalan Allah?".* Jawab Rasulullah SAW: *"Sekalipun jihad pada jalan Allah, melainkan seorang lelaki yang keluar (berjuang) dengan diri dan hartanya dan tidak mendapat semua itu kembali walaupun sedikit."* (Riwayat Bukhari, Tirmizi, Abu Daud, Ibn Majah).

Perbincangan Ulama' Mengenai Keutamaan 10 Malam Akhir Ramadan dan 10 Hari Awal Zulhijjah

Para ulama memiliki pandangan yang berbeza mengenai 10 malam istimewa dan 10 hari istimewa. Dikatakan 10 malam yang istimewa iaitu kerana terdapatnya malam al-Qadr sementara di siang hari ada 10 Zulhijjah yang ganjaran amalannya sangat besar disisi Allah SWT. Oleh itu, kita digalakkan perbanyakkan amalan soleh seperti solat, puasa, sedekah, membaca al-Quran, zikir, tolong-menolong dan sebagainya agar kita diberi ganjaran yang baik.

Khutbah Terakhir Rasulullah SAW

Khutbah terakhir ini disampaikan pada 9 Zulhijjah pada tahun 10 hijrah. Pada ketika itu Rasulullah berkhemah di Lembah Uranah di Bukit Arafah untuk melakukan haji perpisahan sambil diiringi ribuan sahabat. Antara sabda Rasulullah SAW maksudnya:

“Wahai manusia dengarlah baik-baik apa yang hendak aku sampaikan! Aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kamu semua selepas tahun ini. Oleh itu, dengarlah dengan teliti kata-kataku ini dan sampaikanlah ia kepada orang-orang yang tidak dapat hadir di sini pada hari ini...”

(Riwayat Bukhari)

Dalam intisari khutbah terakhir, baginda menekankan pentingnya menghormati hak asasi manusia, menjauhi amalan tercela seperti riba, dan berhati-hati terhadap godaan syaitan. Rasulullah SAW juga meninggalkan pesan agar umat Islam memerhatikan hak-hak sesama manusia, termasuk hak wanita, dan menjalankan kewajiban sebagai seorang Muslim.

Justeru, Rasulullah SAW meninggalkan dua sumber utama bagi umat Islam, iaitu al-Quran dan as-Sunnah, sebagai panduan hidup yang kekal. Beliau menegaskan bahawa tidak akan ada nabi atau rasul selepas beliau. Oleh itu umat Islam harus mengikuti ajaran yang telah ditinggalkan. Dengan mematuhi pesanan-pesanan ini, diharapkan umat Islam dapat menjalani kehidupan yang bermakna dan beriman hingga hari kiamat.


Kelebihan
10 HARI
Awal Zulhijjah

❖ Tujuan Hidup ❖

"Oleh kerana manusia diciptakan bukan untuk menjadi warga dunia buat selamanya, maka sudah keperluan rumah itu mestilah disesuaikan dengan tujuan sebenar hidup manusia yang diciptakan untuk berbakti kepada Allah SWT."

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)." [Ali Imran: 14]




❖ Ibadah Haji ❖

"Kerana hidup kita tidak akan dapat lari dari Allah dan akhirat nanti, kita perlu mempersiapkan diri kita ke arah itu, kerana ke mana arah tuju kehidupan kita selepas itu, kita tidak tahu sama ada syurga atau neraka. Lagipun apabila seseorang itu pergi untuk menunaikan ibadat haji, belum pasti mereka akan pulang atau tidak ke tanah air sendiri."

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam." [al-An'am: 162]



Taklimat

PELAKSANAAN MODUL BARU KULIAH MINGGUAN 'UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH & ITQAN (UMI)

22 Ramadan 1445H bersamaan 02 April 2024
Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1 Mabna Kompleks Kota Darulnaim



Program

LATIHAN KEJURULATIHAN (TOT) MODUL HUBBUL WATAN PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)

8 Syawal 1445H bersamaan 17 April 2024
Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1 Mabna Kompleks Kota Darulnaim



Majlis

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

08 Syawal 1445H bersamaan 17 April 2024
Kompleks Kota Darulnaim



Lawatan

SURUHANJAYA TINGGI AUSTRALIA, KUALA LUMPUR KE INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA (IPTG)

17 Syawal 1445H Bersamaan 26 April 2024



سalam Aidiladha

Salam Aidiladha

